

Menyokong jumlah rekod 870 projek pembasmian kemiskinan di 70 negara, mencapai lebih daripada 45 juta orang



overland-underwater.com

Yang Dihormati Kawan-Kawan

Di sekeliling dunia, semakin banyak kehidupan manusia bertambah baik secara langsung hasil daripada aktiviti projek yang dijalankan oleh CARE International, yang bertujuan berkhidmat untuk individu dan keluarga dalam komuniti termiskin di seluruh dunia.

Untuk membantu meningkatkan kesedaran akan kerja penting ini yang diusahakan oleh CARE International, kumpulan overland-underwater akan memandu dari United Kingdom hingga ke New Zealand melalui laluan darat sebanyak yang mungkin. Ia adalah niat kami untuk memungut sejumlah wang yang cukup banyak melalui derma, janji dan tajaan untuk CARE International.

Kami akan meliputi jarak 65,000 km, melawat 26 negara merentasi 4 benua, mengalami suhu melampau 40°C di gurun Timur Tengah hingga -20°C sambil kami merentasi Himalaya dan akan memandu melalui batuan, pasir, lumpur, salji dan sekali-kala jalan berturap!

Ekspedisi tersebut adalah untuk membantu CARE International dengan keseluruhan kos perjalanan dibiayai oleh kumpulan.



Kami dijangka berlepas dari UK pada awal Ogos 2005 dan akan tiba di New Zealand 18 bulan kemudian. Kami mahu meningkatkan profil CARE International dan akan melawat sesetengah daripada projek mereka di sepanjang laluan.

Sila layari laman web kami www.overland-underwater.com untuk maklumat terperinci dan perkembangan ekspedisi lanjutan sambil kami mengembara ke New Zealand. Anda boleh menderma dalam talian secara selamat melalui pautan dari laman web kami atau muat turun borang janji/tajaan dan hantarkan melalui pos bersama derma anda ke CARE International.

LALUAN:

UK - PERANCIS - ITALI - SLOVENIA - CROATIA - SERBIA & MONT - BULGARIA - TURKI - SYRIA - JORDAN - MESIR - IRAN - PAKISTAN - INDIA - NEPAL - CHINA - LAOS - THAILAND - FILIPINA - CAMBODIA - MALAYSIA - SINGAPURA - INDONESIA - PAPUA NEW GUINEA - AUSTRALIA - NEW ZEALAND

Untuk maklumat lanjut, sila lihat laman web kami: www.overland-underwater.com
Sebagai pilihan, anda boleh menghantar e-mel kepada kami di: team@overland-underwater.com

Mencari dunia yang penuh harapan,
toleransi dan keadilan sosial di mana
kemiskinan berjaya diatasi dan
orang ramai hidup dengan mulia dan
selamat



CARE International memudahkan perubahan yang berkekalan dengan:

Mengukuhkan keupayaan untuk bantuan diri ~ Menyediakan peluang ekonomi



Memberikan bantuan semasa kecemasan ~ Mempengaruhi keputusan dasar di semua peringkat



1 juta pelajar, separuh daripada mereka perempuan, mendapat faedah daripada projek yang meningkatkan kemasukan sekolah dan memperbaiki kualiti pendidikan

7.6 juta lelaki, wanita dan kanak-kanak menerima bantuan kecemasan seperti makanan, air dan perlindungan, memenuhi keperluan asas ketika waktu krisis

Lebih daripada 7 juta orang menerima maklumat untuk menghalang penyebaran HIV dan AIDS, mengurangkan penderitaan yang disebabkan oleh salah satu daripada krisis kemanusiaan paling teruk masa ini

Hampir 9 juta ibu dan kanak-kanak mempunyai akses yang lebih baik kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, menjadikan kehamilan, bersalin dan masa bayi lebih selamat

Lebih daripada 6.5 juta orang menerima latihan dan/atau sumber untuk meningkatkan tanaman mereka dan melindungi sumber semula jadi, mewujudkan penyelesaian boleh kekal terhadap kebuluran

Lebih daripada 1 juta orang, separuh daripada mereka wanita, mendapat faedah daripada projek yang mengajar kemahiran perniagaan, meningkatkan akses kepada kredit dan membantu orang ramai memulakan dan mengekalkan perniagaan kecil

Dibimbing oleh aspirasi komuniti setempat, CARE mengejar misi mereka dengan kecemerlangan dan juga belas kasihan kerana orang ramai yang mereka memberikan khidmat memang patut menerimanya.

CARE International UK,
10-13 Rushworth Street,
London. SE1 0RB. UK.
Tel: +44 (0) 20 7934 9334
Faks: +44 (0) 20 7934 9335
E-mel: info@ciuk.org
www.careinternational.org.uk
no. amal berdaftar 292506